

---

**MINIT MESYUARAT  
MALAYSIAN ONLINE E-RESOURCES CONSORTIUM (MOLEC)  
BIL. 1/2013**

---

**TARIKH** : 23 APRIL 2013 (SELASA)  
**MASA** : 9:30 PAGI  
**TEMPAT** : BILIK MESYUARAT, BANGUNAN PENTADBIRAN,  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA)  
TERENGGANU DARUL IMAN

---

**HADIR**

Dr Nor Edzan Haji Che Nasir - Pengerusi  
Universiti Malaya

Cik Sutarmi Kasimun - Setiausaha  
Universiti Malaya

Puan Asmaniza Mansor  
Universiti Utara Malaysia

Puan Azlina Othman  
Universiti Sains Islam Malaysia

Puan Faridah Muda  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Cik Hasdarinar Abd Jalal  
Universiti Malaysia Perlis

Puan Kamaliah Mohamad  
Universiti Teknologi Petronas

Encik Khairul Anwar Husaini  
Universiti Kuala Lumpur

Puan Khairunnisa Ahmad  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Puan Korina Ibrahim  
Universiti Malaysia Sarawak

Encik Mohammed Ariff Ahmad  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Encik Muhamad Hafiz Morad  
Open University Malaysia

Encik Mohammad Shukri Yaakub  
Multimedia University

Puan Norazlynne Mohd Johan @ Jacklyne  
Universiti Malaysia Sabah

Puan Rohayah Maliki  
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Puan Rosnah Yusof  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Cik Ruzita Kamis  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Sharifah Akmal Syed Abd Rahman  
Universiti Malaysia Terengganu

Puan Sofiah Khalid  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Puan Sukmawati Muhamad  
Universiti Sains Malaysia

Puan Wan Kartini Wan Sulaiman  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Encik Yusrul Hisham Mohd Yusof  
Universiti Teknologi Malaysia

Puan Zaharah Mohamad Nor  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

Puan Azana Haji Abd Hadi  
Universiti Putra Malaysia

Puan Azizah Zainal Abidin  
Universiti Putra Malaysia

Encik Azraai Abidin  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Puan Fatimah Abd Aziz  
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

Encik Hairuladzhar Mohd. Hamdi  
Universiti Malaysia Kelantan

Encik Mohd Nizam Mahat  
Universiti Tenaga Nasional

YBhg. Datin Munazzah Zakaria  
Perpustakaan Negara Malaysia

Puan Noor Azura Omar  
Universiti Malaysia Pahang

Puan Noormala Maarof  
Universiti Teknologi MARA

Puan Nurul Fariah Sarmin Panut  
Universiti Teknologi MARA

Puan Nurul Sazrina Mohd Shukor  
Perbadanan Produktiviti Malaysia

Puan Ruzilah Ehsan  
Agensi Nuklear Malaysia

Puan Saniah Hj Irmia  
Institut Kefahaman Islam Malaysia

Cik Siti Khabshah Masrom  
Multimedia University

Puan Suhaila Marsidi  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Encik Wan Suhaimi Ariffin  
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Wizana Abd Jalil  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Encik Zawawi Tiyunin  
Universiti Malaysia Sabah

	PERKARA	TINDAKAN
28	<p><b>KATA-KATA ALUAN Pengerusi</b></p> <p>Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada pihak Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) atas kesudian menjadi hos mesyuarat. Beliau turut mengalu-alukan kehadiran ahli MOLEC serta memperkenalkan ahli pengganti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Encik Yusrul Hisham Mohd Yusof (UTM) menggantikan Puan Muzaimah Mohd Yunus</li> <li>ii. YBhg Datin Munazzah Zakaria (PNM) menggantikan Puan Yatimah Yaakub</li> <li>iii. Puan Kamaliah Mohamad (UTP) menggantikan Puan Rabiatul Ahya Md Sharif</li> <li>iv. Encik Muhamad Hafiz Morad (OUM) menggantikan Encik Ahmad Munawar Mohmad Anuar</li> </ul>	Makluman
29	<p><b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MOLEC BIL. 1/2012</b></p> <p>Minit Mesyuarat MOLEC Bil. 1/2012 disahkan dengan pindaan senarai ahli MOLEC yang tidak hadir dengan maaf.</p>	Makluman
30	<p><b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b></p> <p><b>30.1 Minit 26.1 Minit Mesyuarat MOLEC</b></p> <p>Sekretariat MOLEC masih menunggu maklumbalas daripada mana-mana institusi yang mempunyai salinan minit mesyuarat yang berikut untuk dimuat naik ke portal rasmi PERPUN (<a href="http://perpun.upm.edu.my/myULIS">http://perpun.upm.edu.my/myULIS</a>)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Minit Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2000</li> <li>2) Minit Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2001 (27/6/2001)</li> <li>3) Minit Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2002 (29/3/2002)</li> <li>4) Minit Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2002 (20/6/2002)</li> <li>5) Minit Mesyuarat Bilangan 1-3 Tahun 2007 (28/3/2007, 22/5/2007, 23/11/2007)</li> </ol> <p>Minit mesyuarat yang dimuat naik masih kekal sehingga tahun 2006</p> <p><b>30.2 Minit 26.2 Langganan Science Direct</b></p> <p>Pihak Elsevier memaklumkan semua ahli MOLEC yang memperbaharui langganan Science Direct untuk tahun 2013 menikmati kenaikan pada kadar 5.1%. Walau bagaimanapun, mesyuarat dimaklumkan terdapat ahli yang mengunci harga dengan tempoh minima selama 2 tahun dan mendapat kenaikan 5%.</p> <p>Cik Sutarmi membentangkan laporan perbandingan tajuk-tajuk teras Science Direct yang dihantar oleh 12 institusi (lihat LAMPIRAN 1). Ahli MOLEC yang melanggan Science Direct diminta mengkaji semula langganan judul duplikasi antara ahli.</p>	<p>Semua ahli</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

	PERKARA	TINDAKAN
	<p><b>30.3 Minit 26.4 Cadangan Langganan Pangkalan Data 2013-2014 Menggunakan Bajet KPT</b>  Mesyuarat dimaklumkan, pengesahan pembaharuan langganan pangkalan data di bawah pembiayaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) hanya akan dimuktamadkan selepas pilihanraya, iaitu sekitar bulan Jun 2013.</p> <p>Pihak KPT akan meneruskan pembelian buku elektronik sekiranya bajet langganan pangkalan data mempunyai baki yang mencukupi.</p> <p><b>30.4 Minit 27.1 Penubuhan dan Pengaktifan Semula Jawatankuasa Kerja mengkaji Lesen Perjanjian</b></p> <p>Kajian kandungan lesen perjanjian berikut telah dibentangkan oleh ahli MOLEC</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Science Direct – UM</li> <li>ii. Wiley/Blackwell – UKM</li> <li>iii. IEEE – UTM</li> <li>iv. Web of Science – USM</li> <li>v. Emerald Management – UUM</li> <li>vi. ACM Digital Library – UIAM</li> <li>vii. SAGE – UiTM</li> <li>viii. IOP – UTHM</li> <li>ix. Taylor &amp; Francis – UPSI</li> <li>x. SAGE – UiTM (wakil tidak hadir. Walau bagaimanapun, hasil kajian telah diserahkan kepada Setiausaha MOLEC)</li> <li>xi. SpringerLINK – UPM (tidak dibentangkan dan laporan tidak diserahkan kepada sekretariat)</li> </ol> <p>Semua slaid pembentangan perlu diserahkan kepada setiausaha MOLEC agar tindakan lanjut dapat dilakukan.</p> <p>Lanjutan daripada pembentangan ini, Pengerusi MOLEC akan mengadakan satu perbincangan dengan Encik Zawawi Tiyunin selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Mengkaji Lesen Perjanjian bagi mengemaskini senarai semak serta tema yang perlu diteliti bagi setiap lesen perjanjian.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Semua pembentang</p> <p>Sekretariat dan UMS</p>
<b>31</b>	<p><b>PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b></p> <p><b>31.1 PERANCANGAN MESYUARAT 2013 DAN 2014</b></p> <p>Ahli MOLEC bersetuju dengan perancangan mesyuarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bulan Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) disertai dengan Bengkel Return on Investment (ROI)</li> <li>2. Bulan Oktober – Universiti Malaysia Sabah (UMS). Semasa mesyuarat ini nanti, ahli yang berhasrat membuat pembatalan mana-mana langganan pangkalan data sedia ada diminta memaklumkan</li> </ol>	<p>UPM</p> <p>UMS Semua ahli</p>

	PERKARA	TINDAKAN
	<p>cadangan atau keputusan kepada semua ahli yang terlibat agar perancangan kewangan dapat dibuat dengan lebih awal. Ahli boleh menggunakan statistik penggunaan untuk tempoh September 2012 sehingga Julai 2013 bagi menyokong justifikasi penamatan atau pembaharuan langganan.</p> <p>3. Bulan Februari 2014 – Universiti Teknologi Malaysia (UTM) disertai dengan lawatan ke National University of Singapore (NUS)</p> <p><b>31.2 PERANCANGAN AKTIVITI 2013</b></p> <p><b>1. MyULIS</b> Semua ahli diminta mengemaskini entri jurnal yang terdapat di Perpustakaan masing-masing sebelum 31 Disember 2013. Entri yang dipaparkan mesti menggambarkan maklumat simpanan sebenar jurnal yang terdapat di Perpustakaan bagi memudahkan urusan pembekalan penerbitan.</p> <p><b>2. Projek ROI</b> Semua ahli diminta mengenalpasti projek ROI untuk dibentangkan semasa mesyuarat MOLEC yang bakal diadakan pada bulan Oktober. Puan Korina diminta berkongsi kertas kerja seminar yang telah diadakan di UNIMAS pada 2012.</p> <p><b>3. Lawatan Penanda Arasan</b> Pengerusi akan meneliti semula kertas cadangan lawatan penanda arasan. Selain daripada Korea Selatan, New Zealand turut dicadangkan sebagai lokasi untuk dilawati.</p>	<p>UTM</p> <p>Semua ahli</p> <p>Semua ahli dan UNIMAS</p> <p>Pengerusi</p>
32	<p><b>HAL-HAL LAIN</b></p> <p><b>32.1 Langganan Pangkalan Data Secara Konsortium</b> Ahli MOLEC yang melanggan pangkalan data secara konsortium diminta memberi kerjasama untuk memaklumkan kepada semua ahli dengan lebih awal sekiranya ingin membuat pembatalan langganan. Ini bagi mengelakkan ahli konsortium dibebani dengan kenaikan harga yang tidak dijangka.</p> <p><b>32.2 Galakan Penggunaan Jurnal <i>Open Access</i></b> Selain daripada sesi taklimat dan <i>roadshow</i>, ahli MOLEC yang menghadapi kesukaran mendapat kerjasama daripada para akademik disarankan membuat senarai tajuk jurnal <i>open access</i> yang terdapat dalam pangkalan data Web of Science dan Scopus, dan menghantarnya kepada para akademik yang berkenaan.</p> <p><b>32.3 Keberkesanan Model <i>Pay Per View</i></b> Ahli MOLEC yang telah memulakan penggunaan model <i>pay per view</i> bagi mendapatkan artikel yang diperlukan oleh pengguna di institusi masing-masing</p>	<p>Semua ahli</p> <p>Semua ahli</p> <p>USM, UKM</p>

	PERKARA	TINDAKAN
	<p>diminta berkongsi pengalaman pada mesyuarat yang akan datang.</p> <p><b>32.4 Had Nilai dan Kuasa Melulus Perolehan Pangkalan Data, Jurnal dan Maklumat Secara Atas Talian: Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2011</b> Semua ahli MOLEC diminta merujuk Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2011 yang berkaitan dengan had nilai dan kuasa melulus perolehan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian. Hanya perolehan melebihi RM50 juta perlu dibawa untuk kelulusan Kementerian Kewangan, selebihnya adalah dalam bidang kuasa Agensi (institusi) yang berkenaan.</p> <p><b>32.5 Format Laporan/Kertas Kerja untuk Kelulusan Jawatankuasa Teknikal</b> Secara umumnya, format laporan/kertas kerja yang hendak dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal perlu mengandungi maklumat yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Latar belakang pangkalan data</li> <li>ii. Kandungan/skop pangkalan data</li> <li>iii. Akses (IP authentication atau kata laluan), jumlah pengguna serentak</li> <li>iv. Platform yang digunakan</li> </ul>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
Sutarni Kasimun  
Setiausaha MOLEC

\_\_\_\_\_  
Dr Nor Edzan Hj Che Nasir  
Pengerusi MOLEC